JUZU' KE-30

SURAH AL-MASAD

SURAH KE

111

سُورَةُ المَسَد

SURAH AL-MASAD

Surah Tali

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

5

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

تَبَّتْ يَدَآ أَبِى لَهَبٍ وَتَبَّ ﴿١﴾
مَآ أَغْنَىٰ عَنْهُ مَالُهُۥ وَمَا كَسَبَ ﴿٢﴾
سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ﴿٣﴾
وَٱمْرَأَتُهُۥ حَمَّالَةَ ٱلْحَطَبِ ﴿٤﴾
فِى جِيدِهَا حَبْلٌ مِّن مَّسَدٍۭ ﴿٥﴾

"Binasalah dua tangan Abu Lahab dan sesungguhnya Ia tetap binasa(1). Ia tidak dapat ditolong hartanya dan segala usahanya(2). Ia akan merasa api Neraka yang mempunyai pucuk api yang marak bernyala(3). Dan juga isterinya pembawa kayu api(4). Di lehernya (terikat) tali dari sabut yang terpintal kukuh."(5).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Nama tubuh Abu Lahab ialah Abdul 'Uzza ibn Abdul Muttalib. Ia adalah bapa saudara Nabi s.a.w. Ia digelar "Abu Lahab" yang bererti "bapa pucuk api" kerana mukanya yang berseri-seri. Ia dan isterinya "Ummu Jamil" merupakan orang-orang yang paling kuat atau sengit menyakiti Nabi s.a.w. dan mengganggu da'wah yang dibawanya.

Kata Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Husayn ibn Abdullah ibn 'Ubaydullah ibn 'Abbas katanya: Aku dengar Rabi'ah ibn 'Ibad ad-Dayli bercerita: Aku bersama-sama ayahku dan ketika itu aku masih muda, aku melihat Rasulullah s.a.w. mengikuti qabilah-qabilah dan di belakangnya diekori oleh seorang lelaki bermata juling berwajah cerah dan berambut panjang mencecah bahu. Rasulullah s.a.w. berhenti menemui qabilah dan berseru: 'Wahai suku anu! Aku adalah utusan Allah kepada kamu. Aku menyuruh kamu menyembah Allah dan jangan mempersekutui-Nya dengan sesuatu apa. Aku minta kamu sekalian percaya kepadaku dan mempertahankanku sehingga aku dapat menyempurnakan tugas da'wah yang dibangkitkanku kerananya." Apabila Rasulullah s.a.w. selesai berbicara, maka lelaki yang mengekorinya itu tampil berkata: 'Wahai suku anu! Orang ini mahu kamu membuang berhala-berhala al-Laata dan al-'Uzza dan juga membuang sekutu-sekutu kamu dari jin suku Malik ibn Aqmas, dan meminta kamu mengikut bid'ah dan kesesatan yang dibawa olehnya. Oleh itu, janganlah kamu dengar perkataannya dan janganlah kamu ikutinya," Lalu aku bertanya ayahku: "Siapakah orang itu?" Jawabnya: "Itulah bapa saudaranya Abu Lahab." (Hadith ini juga diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad dan at-Tabrani dengan lafaz yang sama).

Ini adalah salah satu contoh tindak-tanduk jahat Abu Lahab terhadap da'wah Islam dan terhadap Rasulullah s.a.w. Isterinya Ummu Jamil sentiasa membantunya dalam kempen-kempen yang zalim itu. Nama tubuh Ummu Jamil ialah Arwa binti Harb ibn Umayyah saudara perempuan Abu Sufyan.

Abu Lahab telah mengambil sikap memusuhi Rasulullah s.a.w. sejak hari pertama beliau berda'wah. Menurut sebuah hadith yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dari Ibn 'Abbas: Nabi s.a.w. keluar ke satu kawasan tanah rata dan naik ke atas bukit lalu berseru: "Marilah sekalian bersedia!" Lalu suku Quraysy keluar berhimpun dan beliau pun bersabda: "Apakah fikiran kamu jika aku katakan kepada kamu bahawa musuh akan menyerang kamu di pagi ini atau di petang ini? Adakah kamu percaya kepada perkataanku?" Jawab mereka: "Ya, kami percaya." Lalu beliau bersabda: "Aku datang untuk mengingatkan tentang 'azab yang amat dahsyat." Abu Lahab terus membantah: "Apakah kerana ini engkau kumpulkan kami sekalian? Binasalah engkau!". Lalu Allah menurunkan ayat تبت يدا أبي لهب hingga akhir. Dan mengikut satu riwayat yang lain, Abu Lahab berdiri menggoyang-goyangkan dua tangannya dengan kuat sambil berkata: "Binasalah engkau selama-lamanya! Apakah kerana ini engkau kumpulkan kami sekalian?" Lalu Allah turunkan surah ini.

Apabila suku Bani Hasyim dengan pimpinan Abu Talib bersatupadu untuk melindungi Nabi s.a.w., walaupun mereka tidak memeluk agamanya, kerana menyahuti panggilan semangat kesukuan, maka Abu Lahab telah menentang keputusan saudara-saudaranya dan terus menyebelahi pakatan Quraysy. Ia turut bersama dalam surat perisytiharan yang ditulis oleh orang-orang Quraysy untuk memulau suku Bani Hasyim, dan melaparkan mereka supaya mereka menyerahkan Nabi Muhammad s.a.w. kepada mereka.

Abu Lahab juga telah melamar Ruqayyah dan Ummu Kalthum anak perempuan Nabi s.a.w. untuk dikahwinkan dengan dua orang anak lelakinya sebelum beliau dibangkitkan menjadi rasul, tetapi sebaik sahaja Nabi s.a.w. dilantik menjadi rasul, Abu Lahab menyuruh kedua orang anaknya menceraikan Ruqqayah dan Ummu Kalthum untuk menambahkan beban kepada Nabi s.a.w.

Gangguan Abu Lahab Dan Isterinya Terhadap Rasulullah

Demikianlah Abu Lahab dan isterinya Ummu Jamil terus mengaturkan tentangan-tentangan yang membabi buta dan tidak mengenal damai terhadap Nabi s.a.w. dan da'wahnya. Oleh kerana rumah kediaman Abu Lahab berdekatan dengan rumah Nabi s.a.w., maka gangguan-gangguan mereka menjadi lebih sengit terhadap Nabi s.a.w. Menurut riwayat, Ummu Jamil telah membawa duri-duri dan meletakkannya di jalan-jalan yang dilalui oleh Nabi s.a.w. Ada pula pendapat yang mengatakan bahawa maksud dikatakan Ummu Jamil itu membawa kayu api ialah suatu sindiran terhadap usaha-usahanya yang jahat menyakiti, membuat fitnah dan mengumpat Rasulullah s.a.w.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Surah ini diturunkan sebagai jawapan atas perisytiharan perang Abu Lahab dan isterinya terhadap Rasulullah s.a.w., dan Allah sendiri mengambil alih teraju peperangan itu bagi pihak Rasulullah s.a.w.

"Binasalah dua tangan Abu Lahab. "(1)

Kata-kata التباب bererti kebinasaan, kemusnahan dan kelenyapan, dan maksud تبت (yang pertama binasalah) merupakan do'a dan maksud تب yang kedua "sesungguhnya ia tetap binasa" ialah pernyataan bahawa do'a kebinasaan itu telah terlaksana. Di dalam sepotong ayat yang pendek di permulaan surah dimulakan dengan do'a yang terus menjadi kenyataan yang menamatkan pertarungan, dan tabir pun dilabuhkan.

Ayat-ayat yang berikut merupakan penjelasan dari apa yang telah berlaku.

"Ia tidak dapat ditolong hartanya dan segala usahanya."(2)

Maksudnya ialah Abu Lahab telah binasa. Harta dan segala usahanya tidak dapat menolong dan menghalanginya dari kebinasaan. Itulah balasan di dunia, sedangkan balasan di Akhirat:

"Ia akan merasa api Neraka yang mempunyai pucuk api yang marak bernyala."(3)

Allah menyebut pucuk api yang marak bernyala sebagai gambaran bagaimana dahsyat dan ngerinya api itu menyala dan membakar.

"Dan juga isterinya pembawa kayu api."(4).

"Di lehernya (terikat) tali dari sabut yang terpintal kukuh."(5)

Maksudnya ialah isterinya akan turut sama dibakar api Neraka dengan keadaannya membawa kayu api, dan di lehernya terikat tali sabut, yakni ia diikatkan dengan tali itu di dalam Neraka, atau yang dimaksudkan dengan tali itu ialah dengan pengertiannya yang hakiki iaitu tali yang telah dijadikan pengikat kayu api iaitu dahan-dahan kayu yang berduri (yang dibawa dan diletakkan di jalan yang dilalui Nabi s.a.w.) dengan pengertian metafora, iaitu maksud dari membawa kayu api itu ialah kiasan dari membawa gangguan yang jahat dan umpat keji.

* * * * * *

Keindahan Pengungkapan Dalam Surah Ini

Pengungkapan ayat-ayat dalam surah ini amat selaras, halus dan jelas dengan maudhuk dan suasananya. Di sini kami petikkan beberapa baris dari buku مشاهد القيامة في القرآن untuk menjelaskan kesan surah ini di dalam hati Ummu Jamil:

"Abu Lahab (bapa pucuk api) akan diseksakan dalam pucuk api Neraka yang marak bernyala, dan isterinya juga akan diseksa bersama, sedangkan di lehernya terikat tali dari pintalan sabut. Di sini terdapat keselarasan dari segi kata-kata dan dari segi gambaran. Di dalam Neraka ada pucuk-pucuk api yang marak bernyala-nyala, di mana Abu Lahab (bapa pucuk api) akan dibakar. Isterinya Ummu Jamil membawa kayu api (duri) dan meletakkan di tengah jalan yang dilalui Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyakitinya (dengan pengertiannya yang hakiki atau metafora). Kayu api yang dibawanya itu merupakan bahan-bahan bakar yang mencetuskan pucuk api. Ia memberkas kayu-kayu itu dengan tali, kerana itu ia akan dibelenggu dengan tali yang sama ketika dia di'azab kelak di dalam Neraka yang mempunyai pucuk-pucuk api yang marak bernyala supaya balasannya setimpal dengan perbuatannya. Pengungkapan itu memberi satu gambaran yang sempurna dengan isi kandungannya yang bersahaja iaitu kayu api, tali, api. Neraka dan pucuk api di mana Abu Lahab dan isterinya yang suka membawa kayu api dibakar dengannya.

Di sana terdapat pula keselarasan dari jenis yang lain, iaitu keselarasan di antara bunyi kalimat-kalimat dengan bunyi yang terbit dari ikatan tali yang

memberkas kayu-kayu api dan bunyi cerutan leher dengan tali itu مسد .

Bacalah: تبت يدا أبي لهب nescaya anda dapati bunyinya yang keras serupa dengan bunyi tali yang mengikat kayu-kayu api, juga serupa dengan bunyi tali yang mencerut leher, dan seterusnya selaras dengan suasana kemarahan dan ancaman yang menyelubungi surah ini.

Demikianlah bertemunya keselarasan bunyi irama kalimat-kalimat bersama bunyi harakat gerak-geri dengan keselarasan gambaran-gambaran segala butirannya dan keselarasan menggunakan kata-kata yang serupa dan menjaga imbangan dalam perungkapan, dan seterusnya selaras dengan suasana surah dan sebab nuzul, dan semua keselarasan itu tercapai dalam lima ayat yang pendek dalam satu surah Al-Qu'ran yang amat pendek".

* * * * * *

Kesan Surah Ini Kepada Ummu Jamil

Pengungkapan selaras yang kuat inilah yang membuat Ummu Jamil mengira Rasulullah s.a.w. telah mengejeknya dengan sajak, terutama apabila surah ini tersiar dengan luas membawa ancaman, kecaman dan gambaran yang khusus menghina Ummu Jamil. Gambaran itu benar-benar menghinakan seorang wanita yang angkuh dan bongkak dengan asal-usul keturunannya. Ia digambarkan dengan gambaran **"seorang perempuan yang membawa kayu api dengan seutas tali terikat di lehernya,"** iaitu mengikut uslub yang kuat yang lumrah di sisi orang-orang Arab.

Menurut Ibn Ishaq, apabila Ummu Jamil mendengar ayat-ayat Al-Qu'ran yang mencaci dirinya dan suaminya, ia terus datang menemui Rasulullah s.a.w. yang pada masa itu sedang duduk di masjid berhampiran Kaabah bersama Abu Bakr as-Siddiq. Di tangannya ia menggenggam seketul batu, tetapi apabila ia berdiri di hadapan kedua-duanya, Allah jadikan penglihatannya tidak nampak Rasulullah s.a.w. melainkan Abu Bakr seorang sahaja. Lalu ia bertanya: "Hai Abu Bakr! Di mana sahabatmu? Aku dengar dia mengejek aku dengan sajak. Demi Allah, jika aku temuinya, aku akan hentamnya dengan batu ini. Demi Allah, aku juga seorang penyajak. Lalu ia bersajak:

مذمّماً عصينا ، وأمره أبينا

Yang bermaksud: "Kami tidak akan ikut Muhammad yang tercela[1], begitu juga kami tidak akan menerima agama yang dibawa olehnya."

Setelah itu ia beredar dari situ. Abu Bakr berkata: "Wahai Rasulullah, tidakkah anda nampak ia melihat anda?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ia tidak nampak aku, Allah telah jadikan matanya tidak nampak aku."

Menurut riwayat al-Hafiz Abu Bakr al-Bazzar dengan sanadnya dari Ibn 'Abbas katanya: Sebaik sahaja turunnya surah ini, isteri Abu Lahab pun datang. Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang duduk bersama Abu Bakr. Lalu Abu Bakr pun berkata: "Jika anda jauhkan diri, ia tidak dapat menyakiti anda." Jawab Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya di antaraku dan dia akan didindingkan Allah." Ummu Jamil terus datang dan berdiri di hadapan Abu Bakr seraya berkata: "Hai Abu Bakr! Sahabatmu telah mengejek aku dengan sajak." Jawab Abu Bakr: "Tidak, demi Kaabah ini, ia tidak pernah bersajak dan tidak pula pernah berkata dengan sajak." Jawab Ummu Jamil: "Engkau betul." Apabila ia berundur dari situ, Abu Bakr bertanya Rasulullah, "Adakah ia tidak nampak anda?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ya. Ia tidak nampak. Malaikat sentiasa melindungiku sehingga ia pergi."

Rakaman Kecaman Abadi Terhadap Abu Lahab Dan Isterinya

Demikianlah memuncak kemarahan Ummu Jamil terhadap surah ini yang disangkakan sebagai sebuah sajak, kerana biasanya ejekan atau sindiran di masa itu dilakukan dengan perantaraan sajak. Dan sangkaannya itu telah ditolak oleh Abu Bakr. Walau bagaimanapun, gambaran yang memberi sepenuh penghinaan itu telah dirakamkan dalam kitab suci yang kekal dan dalam lembaran alam al-wujud, iaitu rakaman kemurkaan Allah dan perisytiharan perangnya terhadap Abu Lahab dan isterinya sebagai balasan atas tipu dayanya menentang da'wah Allah dan Rasul-Nya. Kebinasaan dan kehinaan itulah balasan penentang-penentang da'wah Allah di dunia, sementara balasan Neraka akan dilakukan pada Hari Akhirat. Penghinaan yang diisyaratkan dengan kata-kata "tali" adalah terpalit di dunia dan di Akhirat.

* * * * * *

[1] *Yang dimaksudkan oleh Ummu Jamil dengan kata-kata* مذمّماً *"Muzammaman" (yang tercela) ialah Muhammad (yang terpuji). Kedua-dua kata-kata itu mempunyai timbangan bunyi yang sama dan makna yang bertentangan. Inilah bukti kemahiran Ummu Jamil mempermainkan kata-kata sebagai seorang penyair sebagaimana yang didakwakannya. (Penterjemah).*